

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK - BN]**

SOALAN NO.127

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program yang akan dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi kekuatan pasukan badminton negara pada masa akan datang dan apakah usaha pihak kementerian dalam perkembangan sukan yang kurang popular seperti sepak takraw.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja (JKK) bersama Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam merancang dan memantau program latihan atlet yang bermula di peringkat pelapis sehinggalah ke program senior. Pelantikan Dato' Misbun Sidek sebagai ketua jurulatih perseorangan negara bermula Jun 2017 yang lalu merupakan satu usaha untuk melahirkan lebih ramai jaguh perseorangan badminton negara dalam jangka masa panjang.
2. KBS juga telahpun menubuhkan Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Kiara yang akan menempatkan pemain remaja terbaik negara. Akademi ini akan diuruskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) bagi mewujudkan ekosistem latihan yang terbaik merangkumi peralatan terkini serta khidmat sains dan perubatan sukan secara khusus dalam usaha melahirkan juara badminton dunia.
3. KBS melalui Institut Sukan Negara (ISN) juga telah memasukkan sukan sepak takraw ke dalam Program Podium yang memberi penumpuan ke arah persediaan menghadapi Sukan Asia Jakarta-Palembang 2018.

Sekian, terima kasih.